

RM94 juta untuk kajian sains angkasa

6 JUL 2001

INSTITUT Ibnu Sina (IIS) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semalam menyerahkan kertas kerja menggariskan strategi yang perlu dipertimbangkan untuk memajukan Kajian Sains Angkasa di Malaysia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengikut kertas kerja itu, strategi dengan cadangan perbelanjaan kira-kira RM94 juta akan dilaksanakan dalam dua fasa bagi tempoh 10 tahun sehingga 2010. Fasa ketiga pula bagi tempoh 2010-2020, membabitkan pelancaran satelit.

Untuk fasa I (2001-2005), ia menekankan pembangunan sumber manusia dan kepakaran menerusi penyelidikan sains angkasa iaitu seiringan dengan program pendidikan Nobel Laureate (NLE) di UTM.

Ia menyatakan bahawa latihan menyelidik dan pemantapan ilmu pengetahuan sains yang mendedahkan kepada mereka yang terbabit dalam bidang itu dengan kaedah penempatan di-

makmal terkemuka dunia. Penyerahan dokumen itu disampaikan kepada Dr Mahathir pada upacara penutup Majlis Konvensyen Sains 2001 anjuran IIS dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Negara.

Institut Ibnu Sina, UTM dipelawa kerajaan untuk dengan menyediakan Kertas Cadangan Strategi Kajian Sains Angkasa.

Bagi Fasa II (2006-2010) pula tumpuannya adalah ke arah penggunaan kepakaran dan ilmu yang diperolehi dalam sektor aeroangkasa, pembinaan dan komunikasi. Ini bukan saja daripada kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) malah agensi-agensi lain yang berkaitan.

Beberapa kompleks sains angkasa perlu didirikan di kawasan yang dikenali pasti supaya aktiviti dapat dijalankan di bawah satu bumbung.

Fasa III (2010-2020) adalah fasa terpenting kerana dijangkakan negara dapat membina, melancarkan dan mengawal satelit untuk pelbagai fungsi dari-

pada komersial kepada kepentingan ketenteraan.

Tiga bidang penyelidikan asas yang akan dilaksanakan dalam Fasa I dan II termasuk sains udara, fizik dan kimia angkasa, dan perhubungan angkasa. Tiga bidang ini mencakupi 34 projek penyelidikan.

Sejumlah RM60 juta diperlukan untuk menyempurnakan pelaksanaan projek bagi tempoh lima tahun, manakala pembelian am kelengkapan tertentu menelan belanja RM19.0 juta dan pembinaan makmal penyelidikan sains angkasa RM15 juta.

Kira-kira 300 peserta terdiri daripada saintis negara menghadiri konvensyen dua hari itu bagi membincangkan isu perkembangan sains, menentukan hala tuju dan peranan sains bagi meningkatkan penyelidikan sains negara, mengenal pasti skop/bidang penyelidikan sains angkasa serta merancang strategi pelaksanaan penyelidikan sains negara.